

31 AUG 2000

Sukan-Lumba Kereta (Endurance)

JAGUH RALI KARAMJIT MEMANG PERLUMBAAN MERDEKA

SEPANG, 31 Ogos (Bernama) -- Jaguh rali, Karamjit Singh, yang memandu kereta Proton PERT menambah satu lagi tropi kejuaraan buat dirinya, apabila memenangi perlumbaan pertama Silverstone Merdeka Milenium Endurance di Litar F1 Sepang, di sini, hari ini.

Pemandu berusia 38 tahun itu berpasangan baik dengan Jimmy Low, 42, dan Tommy Lee, 32, untuk memenangi perlumbaan lasak 12 jam yang pertama, selepas menghabiskan 253 pusingan perlumbaan, tiga pusingan di hadapan pemenang kedua.

Pelumba harapan F1 Malaysia, Alex Yoong, yang memandu kereta TVR bersama Adam Sardon dan seorang lagi pelumba rali Saladin Mazlan, terpaksa berpuas hati di tempat kedua selepas menamatkan 250 pusingan pada litar sejauh 5.5428km itu.

Sebenarnya, Alex mencipta masa terpanjang dengan dua minit 36.691 saat pada pusingan ke-235, tetapi kedudukan itu tidak cukup untuknya dan pasukan memintas pasukan pemenang, yang mendahului sepanjang perlumbaan.

Pelumba Australia, Glen Zampatti, yang dibantu adiknya Ross Zampatti dan pelumba Malaysia Marcus Chye menduduki empat ketiga dengan 239 pusingan dengan memandu kereta Lotus Elise 1.8.

"Kereta ini memang hebat. Kita tidak menghadapi masalah langsung. Pada mulanya kami takut 'gearbox' boleh buat hal, tetapi kereta ini memang bagus sepanjang perlumbaan," kata Karamjit, yang akan berkongsi hadiah wang tunai RM30,000.

Beliau berkata Jimmy adalah yang terpanjang di antara tiga pemandu, manakala beliau dan Tommy hanya mengekalkan kedudukan itu dan menukar tayar selepas pelumba ketiga menamatkan perlumbaan.

Pada perlumbaan lasak 12 jam itu, yang kali pertama diadakan di negara ini, setiap pelumba dimestikan memandu sekurang-kurangnya 70 minit sebelum bertukar pelumba lain.

Alex tidak kecewa walaupun pasukannya cuma berjaya di tempat kedua di belakang Proton PERT.

"Kami gembira kerana pasukan TVR kami cuma mempunyai satu bulan untuk bersiap bagi perlumbaan ini. Ia sedikit mudah bagi saya memandu kereta ini daripada mesin Formula Nippon, tetapi perlumbaan ini berakhir lama, berbanding perlumbaan di Jepun," tambah beliau.

Sejumlah 40 daripada 56 kereta yang memulakan perlumbaan, menamatkan perlumbaan 12 jam ini yang bermula pukul 12.10 tengah malam, Hari Merdeka.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan hadiah di podium, manakala Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin menyampaikan cek kemenangan kepada pemenang, kemudian.

-- BERNAMA

HRS KAY AR ZB